BIL. 75 APR 2020

CREATE
e-newsletter

Hargai petugas PKU, barisan hadapan ki

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN MEDIA, PEJABAT NAIB CANSELO

Mendepani penularan wabak Covid-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Ke
(PKU), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sentiasa bersiap siaga memerangi penularan wabak tersebut di

Malahan tatkala sesi pendaftaran pelajar baharu di universiti ini pada 7 Februari lalu, PKU telah bersiap se

Ketika itu, pihak universiti telah meminta pelajar yang kembali daripada cuti semester atau baharu pu
kesihatan setempat sebelum meneruskan aktiviti dalam kampus memandangkan wabak yang berpunca
lalu telah menyebabkan ramai penduduk disahkan dijangkiti dan kadar kematian meningkat akibat virus itu

Menurut Pengarah PKU, Dr. Khairul Salleh Abdul Basit, sejak itulah pihak universiti menggerakkan Ja
menyelaras semua tindakan menangani penularan wabak ini.

“Pihaknya sentiasa bekerjasama rapat dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Kementerian Kesiha
maklumat dan garis panduan terkini bagi mengawal penularan kes Covid-19 di UMP.

“Kita akan memastikan mana-mana pelajar atau staf yang mempunyai gejala-gejala Covid-19 atau baharu
melaksanakan *home-surveillance* dalam tempoh 14 hari dan memaklumkan kepada PKD sekiranya memer

Dr. Khairul turut menghargai sokongan berterusan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Bahagian
Pengurusan Harta dalam menjayakan program terutamanya urusan melibatkan kebajikan pelajar.

Pihaknya juga mendapat kerjasama baik daripada Jawatankuasa Bertindak Bencana UMP dan bergandin
dalam pengesanan kontak sekiranya membabitkan pelajar ataupun staf universiti.

Selaras dengan perintah kawalan pergerakan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan, PKU telah mela

dua kampus dalam meminimumkan pergerakan sepanjang tempoh kawalan dilaksanakan.

Menurut Dr. Khairul lagi, pihaknya menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan dan beroperasi seperti
Isnin hingga Jumaat bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang memandangkan terdapat segelintir pelajar

“Manakala bagi kes-kes kecemasan di luar waktu pejabat, pelajar atau staf boleh menghubungi staf yang b

“Pihaknya turut mengambil inisiatif menyediakan alat pelindung muka *(face shield)* dengan menggun
memandangkan peralatan yang siap ini sudah sukar untuk didapati di pasaran.

“Mereka juga dibekalkan dengan alat perlindungan peribadi *(Personal Protective Equipment)* seperti gaun
tangan untuk menjalankan tugasan mereka sebagai barisan hadapan di universiti ini,” katanya.

Warga UMP juga adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi arahan kerajaan dari semasa ke semasa
yang bergejala pula, diminta untuk tidak mementingkan diri dan sentiasa menggunakan topeng muka apab

Pihak keselamatan turut dibekalkan dengan alat pengimbas suhu badan untuk memeriksa tahap kesihatan
UMP.

Begitu juga dengan para pelajar di dalam kampus, pemeriksaan suhu badan akan diambil pada setiap
mereka sentiasa sihat dan sebagai langkah pencegahan.

Beliau menasihatkan warga kampus agar kekal di rumah *(Stay at home)* ataupun di kampus *(Stay*
Pergerakan (PKP).

Bagi sebarang kemusykilan boleh menghubungi petugas PKU di talian 09-424 5777 (UMP Pekan) dan 09-5

Kampus UMP berjaya dinyahkuman dan bersedia menyam

Sebagai langkah pencegahan dan memerangi penularan wabak Covid-19, Universiti Malaysia Pah
pembersihan sanitasi di beberapa lokasi tumpuan dan bangunan di kedua-dua kampus UMP di UMP Pe
Mac hingga 7 April 2020 yang lalu.

Operasi ini bertujuan memastikan persekitaran tempat kerja bersih dan selamat buat warga kerja kemb
Kawalan Pergerakan (PKP) nanti.

Menurut Eksekutif Landskap dan Pembersihan, UMP Services Sdn. Bhd. (UMP Services), Hairudin Id
melaksanakan operasi sanitasi meliputi bangunan pejabat, bilik pensyarah, asrama pelajar, perpustakaan
bermula di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang pada peringkat seterusnya.

“Seramai 30 orang petugas terlibat dalam operasi yang bermula seawal jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 ter

“Taklimat diberikan kepada semua petugas dalam memastikan operasi dijalankan mengikut *standard* pros
bermula,” katanya.

“Petugas akan menggunakan semburan kabus disinfeksi di kawasan bangunan dengan lebih tertumpu
tombol pintu, butang lif, kaunter utama, meja dan lain-lain lagi bagi memastikan kawasan kampus bebas wa

Pada masa yang sama, keselamatan petugas amat dititikberatkan dengan memastikan petugas yang
langkah-langkah dan garis panduan yang ditetapkan.

Semua petugas diwajibkan memakai alat perlindungan diri (PPE) yang lengkap sepanjang menjalankan op

Mereka turut dilengkapi dengan peralatan keselamatan seperti topeng muka, sarung tangan dan cecair per

Kemudiannya, setiap kali selesai operasi para petugas dikehendaki membersihkan tangan dan muka meng

Manakala semua PPE yang telah digunakan akan dikumpulkan dalam plastik kuning sisa klinikal untuk dilu

Dalam pada itu, tatkala orang lain bekerja dari rumah ekoran PKP, kerja-kerja pembersihan sekitar kamp
jumlah yang minima bagi memastikan persekitaran kampus kekal bersih.

Pihak UMP Services yang merupakan anak syarikat UMP Holdings Sdn. Bhd. turut menyediakan perkhid
umum termasuklah masjid, surau, bangunan pejabat, klinik, hotel dan lokasi tumpuan bagi memerangi wab

---

Pensyarah UMP cipta Pelindung Muka DIY Guna

Semangat ingin membantu para petugas kesihatan yang berdepan kekurangan bekalan peralatan alat peli
tiga pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) berganding bahu mengambil inisiatif sendiri mencipt
membantu petugas barisan hadapan dalam menangani wabak COVID-19 yang sedang menular di negara

Mereka adalah Dr. Zamzuri Hamedon, Dr. Ismayuzri Ishak dan Khairul Fikri Muhammad daripada Faku
Mekatronik (FTKPM) berkongsi idea dan berbincang untuk menghasilkan pelindung muka tersebut dalam m

Dengan sokongan Dekan FTKPM, usaha ini akhirnya berjaya menghasilkan pelindung muka yang rin
digunakan.

Kumpulan ini yang dibentuk sejak 24 Mac lalu turut menyumbang pelbagai idea dan prototaip bagi rek
sebelum proses percetakan akhir.

Ketika dihubungi, Dr. Zamzuri berkata, peringkat awal pelindung muka yang dihasilkan dengan men
Pengarah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Dr Norazmi Abdullah dan Ketua Jabatan Kecemasan H

“Mengambil kira kesesuaian dan keselesaan pemakai, dalam tempoh dua hari akhirnya kami berjaya m
diedarkan buat kali pertamanya kepada para petugas HTAA.

“Sejak itu kami menerima permintaan daripada kenalan terdekat dan petugas kesihatan.

“Pelindung muka melalui teknologi percetakan tiga dimensi (3D) yang dikenali sebagai *Reusable D*
headband, getah gelang dan plastik *transparent* bersaiz A4 yang mudah diperoleh,” katanya.

Sesuai dengan situasi sekatan perjalanan dan akibat akibat kekangan penghantaran ketika menjalani Pe
mula membuat penghantaran menggunakan kiriman pos *(postage).*

Jika pada peringkat permulaan, mereka hanya mampu menyiapkan antara 50 hingga 60 set sehari, namu
yang mampu menghasilkan antara 150 hingga 200 set sehari.

Dalam pada itu, setiap pek bungkusan mempunyai lima set pelindung muka RDF dan dilengkapi dengan m

Lebih menjimatkan pengguna boleh mengguna semula antara tiga hingga empat kali bergantung kep
dinasihatkan menggunakan sanitasi untuk memastikan ia bersih sebelum dan selepas penggunaan.

Edaran juga turut dibuat kepada staf kesihatan dan keselamatan universiti, hospital dan klinik kesihatan
Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh (HOSHAS), Hospital Temerloh, Hospital Jengka, Klinik Kesihatan P
Pekan.

Tambah beliau lagi, pihaknya juga telah menyediakan sebanyak 150 set untuk Badan Bukan Kerajaa
dengan kerjasama Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains MARA (ANSARA) untuk diedarkan di h

“Kini, sebanyak 1,000 set pelindung muka berjaya dihasilkan dan diedar secara berperingkat dan percum
dan hospital kerajaan serta swasta di negeri ini.

“Bermula dengan pesanan tempahan daripada rakan-rakan terdekat kini pelindung muka ini telah diedar k
air.

“Ini termasuklah digunakan petugas di Hospital Pekan, Hospital Kuala Kubu Bharu, Hospital Tuanku Fauz
KPJ Shah Alam, Klinik Kesihatan Nilai, Klinik Kesihatan Mentakab, IPD Kuantan dan banyak lagi,” katanya.

Menurut Dr. Zamzuri, pelindung muka RDF lebih ringan, saiz yang kecil selesa dipakai dan tidak panas dis

“Namun apa yang lebih penting ia mudah dipakai dan menjimatkan kerana ia boleh diulang guna.

“Malahan plastik yang menutup di bahagian muka ini juga boleh diganti semula dengan plastik yang ada di

Dalam usaha menjayakan inisiatif ini, pihaknya menghargai sokongan pengurusan UMP terutamanya Naib
Yusoff dan Dekan FTKPM, Profesor Madya Ir. Dr. Faiz Mohd. Turan.

Selain itu, pihaknya juga berhubung dengan koordinator Komuniti Percetakan 3D Malaysia untuk C
mencipta pelindung muka melalui teknologi percetakan tiga dimensi (3D).

Walaupun berdepan dengan kekangan dalam tempoh PKP, pihaknya mengharapkan usaha ini dapat
petugas kesihatan yang mengendalikan kes-kes COVID-19.

UMP terima bantuan topeng muka dan pakaian perlindungan

Genap sebulan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbang sarung tangan perubatan untuk kegunaan
(HBU) sewaktu penularan wabak COVID-19 di negara berkenaan, kini UMP menerima bantuan sumbang
(PPE) daripada universiti berkenaan untuk kegunaan petugas barisan hadapan UMP pada 7 April 2020 yan

Sebanyak 1,000 topeng muka dan 100 set pakaian perlindungan (PPE) tiba di Pusat Kesihatan UMP Kamp
tiba tidak lama lagi secara berperingkat.

Menurut Pengarah Institut Confucius UMP, Yong Ying Mei, pihak HBU telah mengirimkan topeng muka
lalu sebaik sahaja negara Malaysia memulakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun barang-
perjalanan melibatkan dua negara.

“Bantuan kedua topeng muka dari HBU ini kini dalam perjalanan ke UMP dan pihak HBU mengharapkan
tatkala Malaysia masih berdepan dengan penularan wabak ini,” katanya.

“UMP telah menghulurkan bantuan sarung tangan kepada HBU sebelum ini ketika penularan wabak COVID

“Kini, sokongan dari HBU seperti bukit sama didaki, lurah sama dituruni," katanya menyampaikan pesanan

Tambah Yong lagi, Presiden Hebei University China, Profesor Dr. Kang Le telah menyampaikan surat ra
warga UMP dalam keadaan sihat serta berharap negara Malaysia dapat mencegah penularan wabak Covid

“Timbalan Presiden (Akademik dan Antarabangsa) HBU, Profesor Dr. Shen Shigang juga turut menyamp
akan diteruskan ke UMP mengikut keperluan semasa.

“Manakala Timbalan Presiden (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) HBU, Profesor Dr. Meng Qingyu, mengha
dan HBU yang telah menjalinkan kerjasama erat sejak tahun 2011 dalam program mobiliti sehingga tertubu


Bagi Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff pula, pihaknya menghargai bar
mengeratkan jalinan kerjasama baik antara kedua-dua pihak.

“Terima kasih kepada pihak HBU kerana emberi sumbangan kepada UMP.

“Kini bekalan topeng muka sukar didapati dalam pasaran negara dan sumbangan ini akan digun
(frontliners) yang masih memberi perkhidmatan di dalam kampus,” katanya.

Malaysia merupakan pengeluar utama di dunia bagi pembuatan sarung tangan perubatan telah mengam
tangan perubatan ke hospital di Hebei Unviersity ketika negara itu sedang menghadapi kekangan barang k

Kini negara China telah diumum bebas COVID-19 apabila tiada jangkitan baharu (domestik) dilapork
penularan wabak itu.



- 87 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

